

Newspaper

Berita Harian

Date

13 March 2016

'Deklarasi lebih bersifat peribadi'

BH - 13/3/2016

» PM kecewa rakyat diheret lakukan sesuatu tak dipersetujui majoriti

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

► Kuching

Datuk Seri Najib Razak menggesa rakyat supaya bijak menilai keikhlasan pihak yang membuat deklarasi yang didakwa sebagai usaha mahu menyelamatkan negara.

Perdana Menteri berkata, program berkenaan lebih bersifat peribadi dan pihak terbabit tidak seharusnya mengheret rakyat untuk melakukan sesuatu yang tidak dipersetujui majoriti.

Justeru, beliau mahu rakyat berfikir secara jelas dan bijak bagi membezakan antara maklumat separuh benar dengan yang benar sepenuhnya serta fakta sebenar dengan yang bersifat pendapat peribadi semata-mata.

"Janganlah membuat pengisytiharan awam hanya untuk mengaburi mata rakyat dan mengheret rakyat untuk mencapai agenda peribadi kerana deklarasi itu bukan soal rakyat, tetapi sebenarnya hanyalah soal individu tertentu sahaja," katanya ketika merasmikan Program Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA) di Tebingan Kuching di sini, semalam.

Program anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang menarik lebih 5,000 pengunjung itu turut dihadiri Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Sa-



Najib bersama Adenan pada Majlis Perasmian Program Malaysia Inklusif Negara Digital di Tebingan Kuching, semalam.

(FOTO MUHD ZAARA ZAKERIA/BH)

tem; Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak.

Tingkat keupayaan digital

Najib berkata, ketika pihak terbabit semakin rancak melancarkan serangan terhadap kepemimpinanannya, rakyat perlu mempunyai fikiran yang jelas dan dapat membezakan antara fakta dengan pembowongan.

Beliau menjelaskan kerajaan berusaha sedaya upaya menunaikan semua janjinya, manakala pembangkang pula sebaliknya

hanya pandai membuat janji dan ia adalah pembowongan yang nyata.

Sementara itu, Najib berkata, kerajaan akan terus memperkenalkan beberapa langkah baharu bagi meningkatkan keupayaan agenda digital dalam kalangan masyarakat.

Najib berkata, pelaksanaan Fasa II projek Jalur Lebar Kelajuan Tinggi (HSSB) dengan kerjasama sektor swasta antara contoh bagi meningkatkan kelajuan dan kadar penembusan jalur lebar di seluruh negara yang membabitkan pelaburan RM1.8 bilion.

"Inisiatif itu dijangka menye-

diakan liputan dan kemudahan tambahan terutamanya di kawasan bandar, yang mampu memberi manfaat kepada 2.8 juta isi rumah di seluruh negara serta peningkatan kelajuan internet 10 megabit sesaat.

"Kawasan pinggir bandar pula akan disediakan kelajuan jalur lebar yang lebih tinggi dengan penambahan akses kepada internet antara empat dan 10 megabit sesaat, yang akan memberi manfaat kepada dua juta pengguna," katanya.

150 menara komunikasi

Bagi Sarawak, katanya, kerajaan

sudah menjalankan kerja membaik pulih rangkaian komunikasi selular serta WiFi yang sehingga kini sebanyak 150 menara komunikasi dan 438 WiFi Komuniti Sarawak giat dilaksanakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dengan kerjasama penyedia perkhidmatan utama iaitu Celcom, Digi, Maxis, Redtone dan Measat.

"Bagi meningkatkan akses kepada internet untuk Sabah dan juga Sarawak, kerajaan komited melaksanakan pemasangan kabel dasar laut dalam tempoh tiga tahun dengan kos RM850 juta," katanya.